

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 APRIL 2016

Ahmad Razif sedia terima sebarang keputusan PM

BH - 28/4/2016

» ADUN Seberang Takir enggan ulas lanjut elak burukkan keadaan

Oleh Baharom Bakar
bhkt@bh.com.my

▀ Kuala Terengganu

Selepas empat hari cuba mengelakkan daripada media, Ahmad Razif Abd Rahman semalam menegasakan beliau menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengenai kedudukannya sebagai Menteri Besar.

Beliau yang enggan mengulas lanjut isu itu bagaimanapun menyatakan kesediaan menerima sebarang keputusan pucuk pimpinan mengenai kedudukannya sebagai pemimpin negeri.

“Terpulang kepada keputusan Perdana Menteri.

“Tunggulah keputusan lanjut daripada Perdana Menteri selepas beliau selesai menghadap Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin,” katanya ketika ditemui selepas mem-



Ahmad Razif (kanan) hadir mempengerusikan mesyuarat mingguan EXCO negeri di Wisma Darul Iman, di sini, semalam. [FOTO ASWADI ALIAS/BH]

pengerusikan mesyuarat EXCO di Wisma Darul Iman di sini, semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri Seberang Takir itu, enggan mengulas lanjut kerana tidak mahu memburukkan keadaan.

Sebelum mempengerusikan mesyuarat mingguan EXCO semalam, ketibaan Ahmad Razif di U2 Wisma Darul Iman di sini, disambut Setiausaha Sulit Kanan Menteri Besar, Md Kamaru Al-Amin Ismail serta Setiausaha Politikanya, Dr Mohd Rozailan Ibrahim pada jam 9.30 pagi.

Beliau kelihatan bersemangat serta turut disambut Pe-

nggerusi Jawatankuasa Pelancangan dan Kebudayaan negeri, Datuk Mohd Jidin Shafee serta Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi dan Tugas Khas, Ghazali Taib sebaik menghampiri bilik mesyuarat.

Semua EXCO hadir

Semua sembilan EXCO kerajaan negeri termasuk Mohd Jidin, Ghazali serta Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Osman Muda, Pegawai Kewangan negeri, Datuk Wan Nawawi Ismail dan Pegawai Undang-Undang negeri, Datuk Azhar Abdul Hamid hadir.

Mesyuarat EXCO membincangkan beberapa agenda termasuk pembentangan cadangan projek pembangunan negeri.

BH difahamkan, selepas selesai mempengerusikan mesyuarat EXCO, Ahmad Razif dijadual mengadakan perjumpaan dengan semua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) di Wisma Darul Iman, namun dibatalkan.

Untuk video, layari
www.bharian.com.my